



TENANGKAN DIRI ... Salah satu aktiviti yang diadakan dekat Pantai Bak-Bak.



RANTAIAN KERJASAMA ... Para peserta membentuk satu bulatan dalam salah satu acara yang dijalankan.

Perkhemahan jati diri Briged Bomba dan Penyelamat UMS

Program itu dilihat memberi peluang kepada ahli briged mengenali antara satu sama lain dan memupuk semangat setiakawan antara ahli. Ini kerana perkhemahan bertujuan memantapkan disiplin dalam kalangan ahli agar lebih bermatlamat dan mahasiswa mempunyai jati diri yang tinggi. Perkhemahan itu juga dapat memberi peluang kepada mahasiswa mengenali masyarakat setempat dan menghayati keindahan alam.



UB 02/11/2011 B1

KEHIDUPAN di universiti masa kini banyak menuntut perubahan, selaras dengan perkembangan semasa yang berlaku. Setiap mahasiswa yang berjaya tidak lengkap sekiranya tidak dibekalkan dengan disiplin dan ketahanan diri bagi menjalani kehidupan pada masa akan datang.

Justeru, UMS Sejati Briged Bomba dan Penyelamat Semester 1-2011/2012 telah menjalankan satu

perkhemahan di Pantai Bak-Bak, Kudat pada 28-30 Oktober bagi memantapkan disiplin mahasiswa/mahasiswi dan melihat sejauh mana ketahanan fizikal dan mental mereka. Selain itu, perkhemahan itu boleh memupuk semangat kerjasama dalam pasukan dan memberi ruang kepada ahli briged untuk mengenali antara satu sama lain.

Antara objektifnya ialah memberi peluang kepada mahasiswa mengenali antara satu

sama lain dengan lebih rapat dan mesra. Tiada jurang perkauman, kenegerian mahupun bahasa; memberikan pendedahan dan pengalaman sebenar kepada mahasiswa terhadap pengalaman berkhemah dan dapat membina jati diri yang akan digunakan untuk kehidupan apabila sudah bergelar graduan universiti; dan menjadikan perkhemahan itu sebagai satu batu loncatan untuk mendisiplinkan diri kerana disiplin amat penting dalam kejayaan.

Ia juga menanamkan semangat setiakawan dan berpasukan dalam kalangan ahli briged, dan sebagai salah satu aktiviti riadah mahasiswa pada masa lapang dan mengurangkan masalah sosial dalam kalangan mahasiswa.

Program itu dilihat memberi peluang kepada ahli briged mengenali antara satu sama lain dan memupuk semangat setiakawan antara ahli. Ini kerana perkhemahan bertujuan memantapkan disiplin dalam kalangan ahli agar lebih



MOTIVASI ... Peserta mengambil bahagian secara aktif dalam ceramah motivasi.

bermatlamat dan mahasiswa mempunyai jati diri yang tinggi. Perkhemahan itu juga dapat memberi peluang kepada mahasiswa mengenali masyarakat setempat dan menghayati keindahan alam.

Seramai 126 orang mahasiswa dari unit kokurikulum UMS Sejati Bomba dan Penyelamat Semester 1-2011/2012 mengikuti perkhemahan itu dan jurulatih yang terlibat adalah seramai 16 orang yang memantau dan mengelola perkhemahan berkenaan.

Peserta perkhemahan tidur di dalam khemah yang disewa

daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat. Semua aktiviti berjalan sekitar kem dan kawasan sekitarnya di mana diawasi oleh pegawai bomba yang bertugas. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan juga melibatkan Pasukan Bomba Sukarela dari Kampung Air, Kudat membabitkan seramai 5 anggota.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah *ice breaking*, ceramah motivasi, latihan dalam kumpulan, menyelamat di air dan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong.